

Pandang ke Timur bukan buang Barat

S: Datuk, mengenal soal Memandang Ke Timur, dasar Datuk ini telah cukup menarik perhatian ramai dan sedikit sebanyak telah mengelirukan orang Jawa. Kalau kita baca akhbar kini, ada juga orang sangka bahawa membeli sebuah kereta atau sebuah komputer Jepun ialah sebahagian dasar Memandang Ke Timur itu. Apa sebenarnya dasar Memandang ke Timur itu?

J: Pada masa yang lalu, kita telah memandang ke Barat. Dari itu, Memandang Ke Timur ialah memandang ke arah yang sebaliknya. Apa-apa yang dibuat dahulu dengan Barat, seharusnya dibuat juga dengan Timur, rasa saya. Itulah dia Dasar Memandang Ke Timur. Dan sekiranya segala etika buruk dari Barat yang dipelajari dahulu, sudah sampai masa untuk dikaji beberapa etika kerja yang baik berasal dari Timur. Akan tetapi, sekiranya ada etika kerja buruk di Timur, jangan kita ikut pula. Memandang Ke Timur bererti kita patut mengkaji sumber lain, bukan sahaja sumber Barat — ini bukan bermakna kita hendak membuang Barat. Kita masih mahu mengikut juga, tetapi di Timur

juga terletak suatu sumber nilai etika, sistem-sistem dan segala yang berguna kepada kita, jadi apa salahnya kita sengaja cuba mendapat ini semua dari Timur — bukanlah maksud saya segala apa yang dibeli itu mesti barang Jepun, tetapi kalau barang Jepun itu baik, apa salahnya kita patut beli.

S: Menurut kata Datuk, kita patut ambil hanya apa yang baik dan mungkin berguna kepada kita, serta yang mana dapat disesuaikan dengan keadaan kita sendiri, dan menolak segala apa yang tak baik atau yang tidak mungkin dilaksanakan dengan sempurna dalam negara ini.

J: Benar, tidak ada sesuatu bangsa manusia begitu sempurna sampai seselapa pun boleh tiru segala-gala dari contoh mereka. Kita sendiri mungkinjuga mempunyai beberapa etika yang cukup baik juga, tetapi kita bukan hendak bicarakan etika baik kita sendiri, oleh kerana kita memandang ke Timur sekarang. Sebaliknya, kita harus menambah, harus mengkaji diri untuk mengetahui apa dia, dan sama ada dia dapat diganti oleh sesuatu yang dipinjam dari Timur, jadi etika kerja saya, adalah sesuatu yang cukup berguna untuk kita.

S: Tetapi bukankah

ada juga perkara tak baik yang tak harus dipelajari umpama, naik pangkat menurut umur, bukan kebolehan. Bukankah ada yang tak harus dipelajari dari Timur?

J: Ya, naik pangkat menurut umur sedikit sebanyak mempunyai kelemahan yang besar, dari itu kita harus mengkaji baik buruknya. Mungkin ada beberapa faedahnya, semua bergantung pada sikap masing-masing. Kalau ini diterima dalam suatu sistem, sistem itu, walau buruk, dapat diperbaiki. Orang Jepun telah menunjukkan bahawa sistem itu mempunyai mutu. Orang-orang muda faham bahawa sistem itu juga ialah sistem yang akan menguntungkan mereka. Dari itu, mereka menjayakan sistem itu. Apabila seorang 'boss' Jepun yang kurang pengetahuan memberi arahan kepada seorang kakitangannya yang berotak cemerlang, si kakitangan berotak cemerlang itu tidak akan berkata: "Ah, bodoh dia ini!". Sebaliknya dia cuba seboleh-bolehnya supaya arahan itu difahamkan dengan cara yang membawa kejayaan. Begitulah sikap Jepun terhadap sistem mereka. Dari itu, berjajalah dia. Akan tetapi, dalam sistem kita — sama ada berdasarkan umur atau

kebolehan — sebaik saja seseorang dinaikkan pangkat melebihi kita, kita sibuk ke sana ke mari mengatakan orang itu tak guna, aku patut di tempatnya, macam-macam. Orang itu dicaci, diburukkan kerana kita ingat kita pandal. Dalam keadaan begini, walau berdasarkan kebolehan, sistem itu pasti gagal. Yang patut dibuat contoh ialah kerelaan berpegang kepada sistem. Kalau sistem itu menetapkan kenaikan pangkat menurut kebolehan, lalu orang dinaikkan pangkat, kita tunduk kepadanya. Itulah yang mustahak.

S: Menurut kata Datuk tadi, dasar Memandang ke Timur mempunyai akibat yang tak baik dalam jangka masa pendek. Ada juga terjadi, beberapa orang Jepun, khususnya pedagang Jepun, menjadi bongkak, tidak sabar dan menyangka bangsa mereka harus diberi layanan lebih daripada orang. Benarkah begitu?

J: Saya pernah dengar sungutan ini. Saya sendiri belum mengalami barang apa sikap buruk dari pihak Jepun. Sememjak adanya dasar Memandang ke Timur, berduyun-duyun datang perusahaan dan orang bangsa Jepun, lebih dari dahulu. Kelak makin banyak lagi pertemuan antara orang Malaysia dan orang Jepun.